

Peranan Gurdwara dalam Pembentukan Identiti Sikh di Malaysia: Antara Ideal dan Praktis The Role of Gurdwara in the Formation of Sikh Identity in Malaysia: Between Ideal and Practice

SARJIT S. GILL

ABSTRAK

Kajian etnografi ini adalah berkenaan peranan gurdwara dalam pembentukan identiti komuniti Sikh di Malaysia daripada segi sejarah dan transformasi institusi keagamaan tersebut. Pengumpulan data melalui kerja lapangan telah dilakukan dengan menggunakan kaedah pemerhatian ikutserta dan temubual mendalam di dua buah gurdwara, iaitu Gurdwara Sahib Tatt Khalsa Diwan (GSTKD) di Kuala Lumpur dan Gurdwara Sahib Kota Kinabalu (GSKK) di Sabah. Sebanyak sepuluh orang responden yang menjadi pengunjung tetap gurdwara telah ditemubual secara mendalam dalam kajian ini. Penglibatan komuniti Sikh dalam kegiatan keagamaan di gurdwara telah didorongi oleh pelbagai faktor termasuk kepentingan kekeluargaan, psikososial dan program keagamaan yang diadakan di gurdwara berkenaan. Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat pelbagai bentuk konflik berkaitan peranan yang dimainkan oleh dua golongan utama dalam pengurusan gurdwara, iaitu Granthi Sahib (golongan religious specialist) dan Jawatankuasa Pengurusan Gurdwara (JPG) sehingga menyebabkan timbulnya masalah daripada segi kelicinan gurdwara memainkan peranannya sebagai institusi keagamaan dan dalam pembentukan identiti Sikh secara umumnya. Kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan ketara antara gurdwara di Kuala Lumpur dan gurdwara di Kota Kinabalu dari segi sokongan komuniti, kewangan, kemudahan asas dan struktur perjalanan program keagamaan. Justeru, pemahaman dan penghayatan keagamaan dalam kalangan pengunjung gurdwara di dua tempat berkenaan mempunyai perbezaan yang sangat jelas. Komuniti peranakan Punjabi di Kota Kinabalu ternyata mempunyai persepsi yang berlainan dari segi agama dan identiti Sikh berbanding orang Sikh di Semenanjung.

Kata kunci: Institusi Gurdwara, identiti Sikh, Jawatankuasa Pengurusan Gurdwara, Granthi Sahib, komuniti Peranakan Punjabi

ABSTRACT

This ethnographical research examines the role of the Sikh Gurdwara in the formation of the Sikh identity in Malaysia. Two aspects were observed: the historical and the transformation of the religious institutions. Collection of data

was done through participant observation followed by in-depth interviews at two Sikh places of worship: Gurdwara Sahib Tatt Khalsa Diwan (GSTKD) in Kuala Lumpur and Gurdwara Sahib Kota Kinabalu (GSKK) in Sabah. In this study, ten regular visitors to the gurdwaras were interviewed. Various reasons motivated the involvement of the Sikh community in the religious affairs at the gurdwara. These include fulfilling family needs, psychosocial reasons and taking part in religious events organised by the gurdwara. There are two important groups at the gurdwara: the Granthi Sahib (the religious specialist group) and the Gurdwara Management Committee (GMC). This research documents the various conflicts between both groups that had disrupted the smooth flow of the gurdwara's role as a religious institution, in general, and to build the Sikh identity, in particular. The research has also shown major differences between the two gurdwaras in Kuala Lumpur and Kota Kinabalu in terms of community support, finance, basic amenities and religious program structure. Hence, the understanding and practices of visitors to both gurdwaras show remarkable differences. The Punjabi Peranakan community in Kota Kinabalu clearly has different perceptions of the Sikh religion and identity compared to Sikhs in Semenanjung Malaysia.

Keywords: Gurdwara institution, Sikh identity, Gurdwara Management Committee, Granthi Sahib, Peranakan Punjabi community

PENGENALAN

Kajian mengenai komuniti minoriti Sikh di Malaysia (Sarjit Singh Gill 2003) terutama tentang identiti masih baharu dalam bidang antropologi dan sosiologi. Kajian etnografi ini memberi tumpuan kepada peranan gurdwara dalam pembentukan identiti Sikh di dua buah gurdwara di Malaysia, iaitu Gurdwara Sahib Tatt Khalsa Diwan (GSTKD) di Kuala Lumpur dan Gurdwara Sahib Kota Kinabalu (GSKK) di Sabah. Makalah ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama meneliti peranan gurdwara secara umum mengikut perspektif agama Sikh, iaitu apa yang disebut sebagai *ideal-type* (jenis unggul). Sementara bahagian kedua pula mengupas peranan sebenar gurdwara mengikut pandangan sepuluh orang informan (kesemua nama informan ditukar untuk melindungi identiti mereka) yang sudah melebihi sepuluh tahun mengunjungi GSTKD dan GSKK. Informan yang dipilih adalah daripada kalangan mereka yang aktif dalam kegiatan keagamaan dan sosial di kedua-dua gurdwara berkenaan. Tumpuan utama makalah ini ialah untuk meneliti sejauh mana gurdwara berperanan sebagai institusi penting untuk membentuk identiti Sikh berlandaskan ajaran agama.

GSTKD dan GSKK telah dipilih untuk tujuan kajian dan perbincangan kerana kedua-dua gurdwara berkenaan sejak sekian lama berperanan dalam pembangunan agama dan komuniti Sikh. Selain itu untuk kajian perbandingan

bagi melihat peranan gurdwara dalam pembentukan identiti Sikh. Misalnya, GSTKD merupakan sebuah gurdwara terbesar bukan sahaja di Malaysia malah di rantau Asia Tenggara (Saran Singh 2003: 90). Kebanyakan orang Sikh berasa bangga dengan pembinaan GSTKD. Namun, ada juga yang merungut kerana pembinaan gurdwara tersebut dianggap merupakan satu pembaziran kerana menelan kos perbelanjaan yang sangat tinggi, iaitu sekitar RM7 juta. Sejumlah RM4 juta telah dipinjam daripada beberapa buah syarikat perbankan tempatan. Manakala dalam kes GSKK pula, kajian mengenai peranan gurdwara dalam pembinaan identiti Sikh di gurdwara berkenaan dijalankan julung kalinya. Berdasarkan sebab-sebab berkenaan makalah ini ingin mengupas dan mengenal pasti peranan sebenar institusi gurdwara dalam konteks membina, membentuk dan memperkasakan identiti Sikh secara murni mengikut tuntutan agama.

INSTITUSI GURDWARA DAN PERSOALAN IDENTITI

Secara umum orang Sikh menganut ajaran agama Sikh yang diasaskan oleh Sri Guru Nanak Dev Ji (1469-1539). Agama ini adalah agama monoteisme dan kepercayaan utamanya ialah mengenai ketuhanan yang satu, bersifat *nirankar*, iaitu tidak berbentuk (formless), abadi, sangat berkuasa dan manusia tidak dapat menghuraikannya. Penganut Sikh percaya bahawa Tuhan (Waheguru) berada di mana-mana sahaja. Tuhan sajalah yang mempunyai segala sifat kesempurnaan (Sarjit Singh 1998: 20).

Sri Guru Nanak Dev Ji menolak secara total sistem kasta yang diamalkan oleh masyarakat Hindu dan menyeru pengikutnya mengamalkan konsep persaudaraan sesama manusia (Tully & Jacob 1986: 17). Guru Nanak sentiasa menekankan konsep kemanusiaan sejagat dan menyeru tiada siapa yang berkedudukan tinggi atau rendah di kaca mata *Waheguru*. Baginda juga menekankan konsep kesaksamaan gender dan memandang tinggi kedudukan wanita dalam masyarakat. Baginda tidak pernah menggalakkan sesiapa pun memeluk agama Sikh, sebaliknya sentiasa memberi nasihat murni kepada orang ramai agar mematuhi ajaran agama masing-masing dengan baik.

Perkataan Sikh pula berasal dari bahasa Sanskrit iaitu *sishya* yang bermaksud pengikut dan penganut (Lajwanti 1985: 1-2). Penganut agama Sikh adalah pengikut kepada ajaran Sri Guru Nanak Dev Ji dan sembilan orang Guru yang lain, iaitu Sri Guru Angad Dev Ji (Guru 1539-1552), Sri Guru Amar Das Ji (Guru 1552-1574), Sri Guru Ram Das Ji (Guru 1574-1581), Sri Guru Arjan Dev Ji (Guru 1581-1606), Sri Guru Hargobind Sahib Ji (Guru 1606-1644), Sri Guru Har Rai Ji (Guru 1644-1661), Sri Guru Har Kishan Ji (Guru 1661-1664), Sri Guru Teg Bahadur Ji (Guru 1664-1675) dan Sri Guru Gobind Singh Ji (Guru 1675-1708). Selepas Guru yang terakhir ini, penganut agama Sikh menghormati kitab suci, *Sri Guru Granth Sahib Ji* sebagai sumber ajaran agama mereka yang muktamad (Sarjit Singh 1998: 18-19).

Gurdwara ialah pusat keagamaan yang terpenting bagi penganut Sikh. Komuniti Sikh menghormati institusi gurdwara kerana gurdwara merupakan tempat ibadat dan pusat untuk komuniti Sikh berinteraksi dan mengeratkan perpaduan. Hal ini kerana kehidupan seseorang Sikh disusun di sekitar gurdwara. Perlu diberikan perhatian bahawa sejak zaman Guru Nanak, gurdwara telah dibina di India dan kerap kali dikenali dengan nama *dharamsala* atau *place of worship* (Khushwant Singh 1966: 193). Ringkasnya, di mana-mana sahaja ada penganut Sikh, pastinya ada gurdwara. Tanpa gurdwara, penganut Sikh tidak dapat menjalani kehidupan agama dengan sempurna dan tidak dapat mempelajari peraturan hidup sebagai seorang Sikh.

Gurdwara merupakan satu-satunya tempat suci penganut Sikh berkumpul dan menjalankan pelbagai aktiviti keagamaan. Menurut Pritam Singh Gill (1990: 227-234), gurdwara

... have become an integral part of the Sikh community and they have been so from its very birth ... Gurdwaras produce Sikhs and Sikhs produce gurdwaras. Gurdwaras are the memory of their Gurus, whom they can never forget...

Boleh dikatakan gurdwara merupakan satu-satunya pusat keagamaan bagi penganut Sikh berkumpul dan mempelajari mesej yang termaktub dalam *Sri Guru Granth Sahib Ji*. Di setiap gurdwara, *Sri Guru Granth Sahib Ji* diletakkan pada kedudukan yang tinggi serta diberi penghormatan yang paling agung oleh penganut Sikh (Sarjit Singh 2001a: 46). Kitab tersebut sebenarnya istimewa dari segi agama dan sejarahnya, kerana merupakan sebuah kitab suci di seluruh dunia yang mengandungi pelbagai sabda penganut beragama Sikh, Islam dan Hindu dari pelbagai kasta, latar belakang pekerjaan dan wilayah yang berbeza (Duggal 1993: 228).

Pada tahun 1699, Sri Guru Gobind Singh Ji telah memperkenalkan satu orde baru yang dikenali sebagai *Khalsa* yang bermaksud 'yang tulen'. Konsep ini secara khasnya membentuk sebuah Persaudaraan *Khalsa* di mana setiap penganut Sikh perlu menjalani upacara *amrit sanskar* untuk memakai simbol 5K sebagai 'pakaian rasmi' yang baharu. Dalam agama Sikh, upacara *amrit sanskar* adalah seperti upacara pembaptisan dalam agama Kristian, dan sangat penting untuk penganut Sikh mendekati Tuhan. Upacara bersifat kolektif ini diadakan apabila terdapat beberapa penganut Sikh yang sudah bersedia memohon *amrit* untuk dibaptiskan. Sebelum seseorang itu dibaptiskan, individu tersebut mestilah mandi dahulu dan diwajibkan memakai simbol 5K. Mereka tidak dibenarkan memakai barang kemas, peralatan persolekan dan perhiasan (Sarjit Singh 1999a: 188). Mereka wajib memakai simbol 5K, iaitu *Kesh* (berambut panjang), *Kangha* (sikat), *Kirpan* (pedang kecil), *Kara* (gelang besi), dan *Kacchera* (seluar pendek). Upacara ini dilangsungkan oleh lima orang Sikh yang soleh dan sempurna yang digelar *Panj Piare* (Five Beloved Ones) (Jacob 1995: 200-201). Amalan pemakaian simbol 5K ini merupakan suatu syarat penting bagi seseorang penganut Sikh untuk menyahut cabaran Sri Guru Gobind Singh kerana melambangkan keimanan seorang Sikh (*Khalsa*) yang sejati dan tulen.

Setiap kumpulan etnik secara umumnya mempunyai ciri budaya yang melambangkan identiti dan menandakan sempadan etnik mereka. Seseorang yang menganggap dirinya sebagai ahli etnik tertentu mengidentifikasikan dirinya sebagai ahli kumpulan tersebut, berkongsi nilai budaya yang sama dan mempunyai keahlian yang boleh dikenal pasti oleh orang lain. Identiti boleh dilihat dari dua segi. Pertama, identiti menurut kaca mata aktor itu sendiri yang memperlihatkan ciri-ciri perwatakan identitinya (*everyday-defined*) yang berbeza daripada orang lain (*individu*). Kedua, identiti yang *authority-defined*, iaitu identiti yang ditetapkan oleh satu-satu pihak yang berkuasa seperti golongan politik atau agama yang menentukan identiti sesuatu kumpulan (*kolektif*). Akan tetapi, identiti seseorang dalam sesuatu keadaan tidak mutlak. Identiti ialah satu ciptaan sejarah (*a historical construction*) dan bersifat dinamik (Sarjit Singh 1999: 187). Soalannya, apakah definisi sebenar seorang Sikh? *Shiromani Gurdwara Parbandhak Committee* (SGPC), Amritsar, mendefinisikan orang Sikh sebagai:

A Sikh is any person whose faith consists of belief in one God, the ten Gurus, the Guru Granth Sahib and other scriptures of the Sikh religion. Additionally, he or she must believe in the necessity and importance of amrit (the Sikh Conformational ceremony) (Nesbitt 1996: 99; Gobind Singh t.th: 7).

Identiti komuniti Sikh terbentuk menurut ketentuan agama dan bersifat kolektif. Identiti berasaskan agama ini ditentukan oleh *Shiromani Gurdwara Parbandhak Committee* (SGPC) yang berpusat di Amritsar, Punjab dan yang menetapkan bahawa upacara *amrit sanskar* sebagai identiti Sikh yang sebenar dan signifikan. Kelima-lima simbol 5K penting dan mesti dipakai sepanjang masa kerana mencirikan identiti Sikh yang bersifat *ideal type*. Pertama, *Kesh* atau rambut panjang ialah simbol terpenting bagi kaum Sikh sebagai simbol keimanan. Ringkasnya, penganut Sikh tidak seharusnya memotong atau mencukur rambut dan bulu di mana-mana bahagian badan mereka. Berbuat demikian dianggap melanggar perintah *Waheguru*. Kedua, *Kangha* atau sikat mempunyai hubungan yang rapat dengan rambut kerana dengan adanya sikat, rambut dianggap akan sentiasa bersih. Sikat diperbuat daripada kayu dan sentiasa terletak di dalam serban. Ketiga, *Kirpan* atau pedang kecil menunjukkan seseorang yang memegangnya adalah setia dan teguh imannya serta mempunyai komitmen yang tinggi terhadap agama. Simbol ini biasanya digunakan untuk melawan ketidakadilan, penganiayaan dan membantu golongan yang lemah. Pedang kecil ini tidak boleh digunakan sesuka hati untuk menguasai hak orang lain. Keempat, *Kacchera* atau seluar pendek melambangkan kesediaan waktu serta ketangkasan dalam melakukan sesuatu. *Kara* atau gelang besi yang dipakai di tangan kanan, mengingatkan seseorang agar mengelakkan kejahatan serta melambangkan ikatan dan kepatuhan yang teguh antara si pemakai dan agamanya (Sarjit Singh 1998: 103). Setiap penganut Sikh perlu mematuhi empat larangan atau *char kurahit* dalam persaudaraan *Khalsa* yang telah ditetapkan oleh Sri Guru Gobind Singh Ji. Apabila seseorang penganut Sikh memohon *amrit*, mereka diminta mengikuti empat iaitu: Pertama, tidak boleh memotong

atau mencukur sebarang rambut di mana-mana bahagian badannya. Kedua, tidak boleh memakan daging yang dipotong dengan pemaksaan (termasuk daging halal). Ketiga, tidak boleh meminum arak, menghisap tembakau atau dadah. Keempat, tidak boleh mengadakan hubungan seks selain dengan suami atau isteri (Sarjit Singh 1999a: 188).

PERANAN *GRANTHI SAHIB*

Granthi Sahib ialah seorang *Khalsa* yang berpengetahuan mengenai falsafah dan agama Sikh. Penganut Sikh menghormati *Granthi Sahib* kerana statusnya dapat disamakan sebagai wazir Tuhan (Guru ka wazir). Dalam sejarah Sikh, *Granthi Sahib* pertama ialah Baba Buddha Ji yang ditabalkan oleh Sri Guru Arjan Dev Ji (1581-1606) pada tahun 1604 (Sarjit Singh 1998: 65-66). Tugas utama *Granthi Sahib* ialah menjalankan upacara keagamaan dan menjaga kesucian *darbar sahib*, iaitu dewan sembahyang tempat letaknya *Sri Guru Granth Sahib Ji*, serta menjalankan upacara *parkash* dan *semafti* setiap hari. Upacara *parkash* biasanya dijalankan pada waktu pagi antara pukul 4.00 hingga 6.00 pagi ketika *Sri Guru Granth Sahib Ji* dibawa dari peraduan dan ditabalkan. Manakala upacara *semafti* pula dijalankan antara 7.00 hingga 8.00 malam ketika *Sri Guru Granth Sahib Ji* dibawa masuk semula ke peraduan (Sarjit Singh 1998: 66). Penganut Sikh memberi salam dengan melafaz *Waheguru Ji Ka Khalsa, Waheguru Ji Ki Fateh* (bermaksud *the Khalsa is of God, the victory is to God*) sambil merapatkan kedua-dua belah tapak tangan ke dada apabila bertemu dengan penganut Sikh yang lain. Penganut Sikh lazimnya mengunjungi gurdwara pada hari Ahad untuk bersembahyang jemaah (congregational worship). Akan tetapi, ini tidak bermakna hari lain tidak penting kerana penganut Sikh bersembahyang setiap hari. Dalam agama Sikh, semua hari adalah sama penting dan tiada hari-hari yang lebih istimewa.

Peranan *Granthi Sahib* bukan sahaja meliputi tugas menjalankan upacara keagamaan di gurdwara, sebaliknya melewati sempadan agama. *Granthi Sahib* memainkan peranan penting sebagai seorang kaunselor untuk membantu menasihati masalah individu dalam aspek agama dan sosial. Lazimnya, *Granthi Sahib* akan membaca *ardas* dan merujuk kepada *Sri Guru Granth Sahib Ji* untuk mendapatkan *hukumnama* yang dipercayai sebagai jawapan daripada *Waheguru*. Berdasarkan mesej agama yang dipetik itu, lazimnya *Granthi Sahib* akan menjelaskan maksudnya kepada individu yang menemuinya. *Granthi Sahib* juga memainkan peranan penting sebagai seorang pendidik dalam hal ehwal agama dan muzik. Golongan pakar agama (religious specialist) ini perlu menyampaikan maklumat agama dan berkongsi ilmu pengetahuan kepada *sangat*. Selain itu *Granthi Sahib* perlu mengendalikan kelas pengajaran skrip penulisan *Gurmukhi*, selain mengajar agama dan bahasa *Punjabi* kepada generasi muda. *Granthi Sahib* juga perlu memberikan pendidikan muzik seperti kelas *kirtan* kepada individu yang berminat dengan menggunakan alat muzikal

seperti *waja* (harmonium), *sitar* dan *tabla*. Peranan *Granthi Sahib* dalam bidang pendidikan agama dan muzik ini berupaya membantu penganut Sikh membentuk identiti Sikh berlandaskan ajaran agama. Sepanjang pemerhatian, didapati bilangan *Granthi Sahib* yang mengadakan kelas bimbingan agama di gurdwara masih rendah tahapnya. Perkara ini berlaku akibat kebergantungan gurdwara kepada *Granthi Sahib* dari negara India untuk mengisi kekosongan jawatan. Secara ringkas, *Granthi Sahib* adalah pengawal gurdwara kerana segala aktiviti yang berlangsung di gurdwara seharusnya berada dalam pengetahuannya.

Upacara keagamaan yang berlangsung di gurdwara setiap hari ialah sembahyang pada waktu pagi (*asa di var* dan *japji sahib*), petang (*rehraas*), dan malam (*kirtan sohila*). Sebelum memasuki gurdwara, penganut Sikh perlu membersihkan tangan dan kaki serta menutupkan kepalanya sekiranya individu itu tidak memakai serban. Selepas itu, penganut Sikh perlu menuju ke *darbar sahib* untuk *metha tekhna* (bersujud) dengan meletakkan dahi di lantai menghadap *Sri Guru Granth Sahib Ji*. Perbuatan tersebut merupakan satu penghormatan terhadap kebesaran dan keagungan *Sri Guru Granth Sahib Ji* sebagai *living Guru*. Selepas sujud, lazimnya seorang perempuan Sikh akan duduk di atas lantai di sebelah kiri manakala lelaki Sikh pula duduk di sebelah kanan. Mereka duduk dengan sopan menghadap *Sri Guru Granth Sahib Ji* dan menumpukan perhatian terhadap upacara keagamaan yang dijalankan oleh *Granthi Sahib* (Sarjit Singh 2001a: 46). Ayat-ayat suci yang terkandung dalam *Sri Guru Granth Sahib Ji* dikenali sebagai *Gurbani*, bermaksud perkataan Tuhan. Secara ringkas, *bani* tersebut memberi inspirasi dan arahan kepada penganut Sikh, memberi keselesaan kerohanian disiplin dari segi minda dan kerohaniaan (Cole 2003: 7).

Dalam agama Sikh, sembahyang berjemaah amat penting kerana ingin menekankan aspek kesamaan antara manusia tanpa mengira gender dan merupakan sesuatu yang bersifat asas. Guru-guru Sikh menekankan *sadh sanggat* demi meningkatkan semangat kerohanian dan perpaduan dalam kalangan umatnya. Upacara keagamaan Sikh melibatkan pembacaan ayat suci yang terkandung dalam *Sri Guru Granth Sahib Ji*. Sembahyang secara kolektif ini merupakan tuntutan agama yang penting seperti membuat persembahan *kirtan*, yakni menyanyikan lagu agama, mendengar *katha*, melafaz *simran* dan membaca *ardas*. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna, sembahyang secara individu (*private devotion*) setiap hari tidak penting seperti membuat *simran*. Amalan bermeditasi ini menekankan aspek kemanusiaan dengan memuji kebesaran *Waheguru* demi mendapatkan ketenangan, pedoman, panduan dan memanjatkan kesyukuran kepada *Waheguru*. Semasa *Granthi Sahib* menyampaikan mesej agama, *sangat* perlu memberikan sepenuh perhatian mereka (Sarjit Singh 1998: 66). Setiap upacara keagamaan diakhiri dengan bacaan *ardas* di mana *sangat* dikehendaki berdiri dengan merapatkan kedua-dua belah tapak tangan, bertujuan memanjatkan kesyukuran, meminta maaf, berterima kasih, atau meminta sesuatu hasrat daripada *Waheguru*. Selepas berdoa,

Granthi Sahib membaca *hukumnama* sambil membuka *Sri Guru Granth Sahib Ji* serta membaca ayat yang tercatat pada halaman yang dibuka. Selepas itu, *karah parshad* diberi kepada *sanggat* yang hadir (Sarjit Singh 2001a: 47).

PERANAN JAWATANKUASA PENGURUSAN GURDWARA

Jawatankuasa Pengurusan Gurdwara (JPG) bertindak sebagai badan politik utama yang mengurus, mengawal serta mentadbir perjalanan sesebuah institusi gurdwara. Perlu ditegaskan bahawa kebanyakan idea pembinaan gurdwara awal di Tanah Melayu dicetuskan oleh persatuan atau pertubuhan Sikh. Majoriti gurdwara didaftarkan di bawah Pendaftaran Persatuan Malaysia. Lazimnya, objektif utama penubuhan persatuan bertujuan membina sebuah gurdwara bagi memenuhi keperluan keagamaan dan sosial komuniti Sikh di sesuatu lokaliti. Pemilihan ahli JPG adalah berdasarkan jumlah undi yang diperoleh daripada komuniti Sikh melalui sistem pilihanraya yang diadakan di premis gurdwara. Tarikh pilihan raya setiap gurdwara adalah tidak menentu dan bergantung kepada kesediaan JPG. Namun, majoriti gurdwara mengadakan pilihanraya tersebut sama ada semasa atau selepas sambutan perayaan Vasakhi, iaitu pada bulan April. Pilihanraya ini berlangsung dalam keadaan yang tidak menentu kerana bergantung pada isu yang dibincangkan oleh *sanggat* berkaitan kepimpinan JPG pada tahun tersebut. Mesyuarat tahunan yang berlangsung setiap kali menjadi 'hangat' apabila isu-isu yang berbangkit tidak diberi perhatian oleh barisan ahli JPG sepanjang pentadbiran mereka. Secara umum, setiap gurdwara mempunyai fungsi organisasi yang hampir sama iaitu:

1. Menguruskan aktiviti kewangan gurdwara.
2. Mengumpul sumbangan derma bertujuan memperbaiki keadaan gurdwara mahupun membantu individu yang memerlukan bantuan.
3. menganjurkan pelbagai aktiviti keagamaan seperti menyambut perayaan Hari Keputeraan Guru-guru Sikh, Hari Vasakhi dan sebagainya.
4. Melantik *Granthi Sahib*.
5. Menjemput ahli ulama dari luar negara terutama dari Punjab untuk menyampaikan *katha* (khutbah) dan *kirtan*.
6. Mengendalikan kelas agama bagi mengajar skrip tulisan *gurmukhi* dan mengajar bahasa Punjabi, terutama kepada generasi muda.

Pemilihan JPG adalah bergantung kepada perlembagaan sesebuah gurdwara. Tiada satu perlembagaan gurdwara yang seratus peratus sama dengan gurdwara lain. Pemilihan JPG begitu signifikan untuk mengurus dan mentadbir segala aktiviti keagamaan dan sosial sesebuah gurdwara. Sepanjang pemerhatian penulis, didapati konflik berlaku dalam pilihanraya JPG kerana perbezaan pendapat antara individu untuk menjawat jawatan penting dalam JPG. Justeru, *sanggat*

mempunyai hak untuk memberi pandangan, komentar ataupun menolak sebarang keputusan yang ditentukan oleh JPG. Akan tetapi, tidak semua gurdwara mengamalkan sistem politik pentadbiran sedemikian, iaitu meminta pandangan *sangat*. Sebaliknya, JPG lebih berkuasa menentukan sendiri proses perjalanan gurdwara. Perkara ini berlaku di gurdwara yang mempunyai bilangan penduduk Sikh yang kecil. Upacara keagamaan yang hendak diadakan mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran JPG.

Cabaran utama yang dihadapi oleh JPG ialah apabila membina atau mengubah suai bangunan gurdwara yang baru sehingga membawa kepada penubuhan Jawatankuasa Bangunan. Apa yang pasti, pembinaan bangunan gurdwara baru memerlukan sejumlah wang besar dan komitmen yang tinggi daripada ahli JPG. Sumbangan dikutip melalui derma ihsan orang Sikh dan bukan Sikh. Sesuatu pembinaan ataupun pengubahsuaian bangunan gurdwara memerlukan kerjasama semua pihak terutama daripada anggota JPG. Kerjasama ini penting agar peruntukan perbelanjaan digunakan secara bijak tanpa sebarang pembaziran dan tidak disalahgunakan.

Di Malaysia, kerajaan pusat dan negeri turut membantu komuniti Sikh dengan menyalurkan bantuan sama ada berupa dana atau memperuntukkan tanah bagi membina bangunan gurdwara. Kesungguhan ini menunjukkan komitmen seperti yang termaktub dalam Perlembagaan dan prinsip utama Rukun Negara, iaitu Kepercayaan kepada Tuhan. Pada masa yang sama, tema perpaduan kaum dalam konteks masyarakat multi-etnik seperti Malaysia berjaya direalisasikan hasil perhatian dan sokongan pelbagai pihak terutama kerajaan.

Penglibatan aktif penganut Sikh dalam organisasi gurdwara terutama JPG penting adalah bagi memastikan kelicinan perjalanan gurdwara. Penglibatan ini dilihat melalui kerja yang dibahagikan mengikut peranan masing-masing. Secara umumnya, JPG dianggotai oleh seorang Presiden (Jathedar), Timbalan Presiden (Meet Jathedar), Setiausaha (Sewak), Penolong Setiausaha (Meet Sewak), Bendahari (Khazanchi), Penolong Bendahari (Meet Khazanchi) dan lima hingga sepuluh orang ahli biasa JPG. Setiap ahli JPG mempunyai bidang tugas masing-masing yang dibahagikan secara sistematik mengikut jawatan yang disandang bertujuan melancarkan pengurusan organisasi gurdwara. Bahasa Punjabi menjadi medium utama dalam sesi mesyuarat bulanan JPG. Akan tetapi, ada juga yang menggunakan bahasa Inggeris kerana mudah difahami oleh generasi muda.

Semua penganut Sikh boleh menjadi ahli mana-mana gurdwara dan syarat keahlian lazimnya tidak ketat. Apa yang penting, seseorang individu mestilah penganut Sikh dan warganegara Malaysia. Permohonan bagi menjadi ahli gurdwara terbuka kepada individu yang berumur 18 tahun ke atas tanpa mengira sebarang status sosioekonomi dan gender. Walau bagaimanapun, pelajar universiti dan kolej tidak dibenarkan menjadi ahli kecuali selepas mereka mendapatkan kebenaran daripada pihak universiti atau kolej di mana mereka menuntut. Hal ini menyebabkan sehingga kini majoriti ahli JPG dimonopoli oleh

golongan tua dan beberapa orang *naujawan* (belia) sahaja. Pemilihan dan pelantikan ahli JPG dilakukan mengikut kesesuaian dan keperluan organisasi gurdwara tersebut. Akan tetapi, lazimnya pemilihan ahli JPG dijalankan setahun sekali seperti dalam kes GSTKD. Sementara GSKK pula menjalankan pilihanraya gurdwara setiap dua tahun sekali.

Individu yang terlibat dalam JPG tidak diberi sebarang ganjaran, imbuhan atau keutamaan, sebaliknya mereka perlu bersedia meluangkan masa dan tenaga secara sukarela apabila bantuan mereka diperlukan oleh komuniti Sikh. Oleh sebab itu, komitmen individu dan kerelaan serta kesanggupan lebih diutamakan. Kajian menunjukkan secara umum tidak semua individu yang dipilih menjadi ahli JPG mempunyai komitmen yang tinggi, kerana terdapat mereka yang telah dijadikan ahli kerana status mereka dalam masyarakat atau pun kerana kekayaan. Ada juga yang dipilih berdasarkan jaringan hubungan (*networking*) yang rapat dengan pihak kerajaan terutama dari segi politik. Setiap ahli JPG yang dipilih perlu berkhidmat tanpa meminta sebarang balasan sepanjang tempoh perkhidmatannya. Semua ahli gurdwara berhak untuk diundi dan mengundi, tetapi dengan syarat mereka telah membayar yuran bulanan atau tahunan kepada Bendahari. Setiap ahli JPG wajib mematuhi perlembagaan atau peraturan persatuan serta keputusan sebulat suara yang dibuat oleh JPG. Jawatan yang disandang oleh seseorang ahli akan lucut serta-merta sekiranya ia gagal menghadiri mesyuarat sebanyak tiga kali tanpa alasan yang munasabah. Selanjutnya, ahli yang tidak membayar yuran tahunan tidak akan dibenarkan mengundi semasa pilihan raya JPG berlangsung tetapi dibenarkan menghadiri mesyuarat tahunan tersebut.

Setiap ahli JPG mempunyai peranan penting dalam memastikan institusi gurdwara sentiasa mempunyai dana atau sumber kewangan yang mencukupi. Ini bertujuan memastikan segala aktiviti keagamaan yang berlangsung di gurdwara berjalan lancar tanpa sebarang gangguan. Sumber kewangan perlu sentiasa mencukupi bagi menyediakan *guru ka langgar* kepada *sangat*. Pihak JPG perlu memastikan setiap penganut Sikh dan bukan Sikh yang berkunjung ke gurdwara diberi layanan baik tanpa sebarang diskriminasi. Beberapa sumber kewangan utama diperolehi oleh gurdwara:

1. *Chanda* – yuran keahlian yang dibayar sama ada secara bulanan atau tahunan. Biasanya, yuran keahlian tersebut adalah antara RM12 hingga RM24 setahun.
2. *Grahi* – wang yang diperolehi melalui sumbangan derma daripada penganut Sikh apabila gurdwara ingin mengadakan sesuatu upacara keagamaan.
3. *Pooja* – pemberian wang dalam bentuk wang tunai atau barangan ketika penganut bersujud di hadapan *Sri Guru Granth Sahib Ji*.
4. *Golak* – merupakan wang yang dikutip dari peti simpanan yang diletakkan dalam *darbar sahib*, yakni berhadapan *Sri Guru Granth Sahib Ji*. Sebelum sujud di hadapan *Sri Guru Granth Sahib Ji*, penganut Sikh akan memberi wang (derma) secara ikhlas yang dimasukkan ke dalam golak). Terdapat

juga derma daripada komuniti bukan Sikh bagi keperluan gurdwara. Wang tersebut kemudiannya digunakan untuk menyediakan makanan (guru ka langgar), membayar bil utiliti seperti bil air dan elektrik serta membayar gaji *Granthi Sahib*.

5. Penginapan – keluarga Sikh yang tinggal di gurdwara memberi derma bulanan. Kekadang musafir Sikh yang menginap selama beberapa hari di gurdwara akan memberi sumbangan wang sebagai derma bagi keperluan gurdwara.
6. Sumbangan khas – diberikan oleh penganut Sikh yang mengadakan upacara keagamaan. Wang tersebut digunakan bagi membeli pelbagai keperluan barangan masakan termasuk membayar bayaran gas dapur, bil elektrik dan air.

PANDANGAN MENGENAI PERANAN *GRANTHI SAHIB* DAN JPG

Dalam bahagian ini fokus perbincangan dibahagikan kepada dua bahagian bertujuan meneliti peranan GSTKD dan GSKK dalam pembentukan identiti Sikh. Bahagian pertama, meneliti peranan *Granthi Sahib* dan bahagian kedua pula meninjau peranan JPG dalam pembentukan identiti Sikh. Dalam hal ini pandangan penganut adalah penting kerana kebanyakan mereka pernah dan masih aktif dalam program keagamaan di gurdwara masing-masing.

PERANAN *GRANTHI SAHIB*

Granthi Sahib merupakan seorang *Giani* (berilmu) yang arif dalam ajaran agama dan memainkan peranan penting dalam membentuk identiti Sikh. Golongan *Granthi Sahib* yang merupakan pakar agama ini mengurus dan mengendalikan segala upacara keagamaan yang berlangsung di gurdwara. Lazimnya, *Granthi Sahib* menggunakan dua kaedah utama untuk menyampaikan mesej agama, yakni *kirtan* dan *katha*. Kedua-dua kaedah ini menjadi alat yang ditetapkan dalam agama masih digunakan dan saling melengkapi antara satu sama lain. Bukan semua *Giani* mahir dalam menyampaikan mesej agama sama ada melalui *kirtan* atau *katha*. Penyampaian mesej sebenarnya amat bergantung kepada kebolehan, taraf pendidikan dan latihan yang diterima oleh *Granthi Sahib* tersebut ketika mengikuti bidang pengajian dan pendidikan agama Sikh. Lazimnya, komuniti Sikh lebih menghormati dan memuji *Granthi Sahib* yang boleh menyampaikan mesej agama dengan menggunakan kedua-dua kaedah tersebut. Boleh dikatakan kemasyhuran sesebuah gurdwara amat berkait rapat dengan peranan dan sumbangan seseorang pakar agama itu.

Bahagian ini mengupas persepsi informan mengenai peranan sebenar *Granthi Sahib* di GSTKD dan GSKK. Sejauhmana *Granthi Sahib* memainkan peranan dan menjalankan tugas mengikut tuntutan agama untuk memperkasa identiti Sikh merupakan persoalan penting yang perlu dikupas. Misalnya, dalam

kes GSTKD, selepas persaraan dan kematian Giani Bachittar Singh pada tahun 2001, kebanjiran *Granthi Sahib* dari Punjab semakin meningkat sehingga ke hari ini. Yang pasti, majoriti *Granthi Sahib* 'import' yang ditemubual dan berkhidmat di GSTKD sebenarnya menjadikan Malaysia sebagai pusat persinggahan sementara sebelum menuju ke 'negara idaman' masing-masing. Terbukti bahawa fokus kedatangan *Granthi Sahib* ini tidak menentu kerana mereka mempunyai motif dan hala tuju tersendiri. Berikut adalah pandangan beberapa informan mengenai peranan *Granthi Sahib* sepanjang perkhidmatan di GSTKD dan GSKK. Misalnya, Shamdev Singh, seseorang bekas anggota kabinet JPG TKDS dalam tahun-tahun 1980-an berkata:

Granthi Sahib yang berkhidmat di gurdwara ini datang pada era yang berbeza. Maksudnya, mereka tidak berupaya memenuhi kehendak dunia moden kini kerana masih lagi menjalankan kegiatan ritual di gurdwara. Golongan agama ini tidak mempunyai alat analitikal untuk menyampaikan mesej agama. Majoritinya yang dibawa masuk dari India ini tidak mempunyai kapasiti dari segi intelektual untuk berurusan dengan dunia moden yang semakin mencabar. Mereka langsung tidak boleh berinteraksi dalam bahasa Inggeris dan tidak mempunyai pemahaman dalam bidang ilmu perbandingan agama. Saya tidak pernah melihat *Granthi Sahib* ini memberi kuliah atau syarahan agama (katha) secara bersiri sebaliknya mementingkan tugas rutin sahaja. Oleh sebab itu, *Granthi Sahib* ini dilayan sebagai pengawal keselamatan gurdwara berbanding *religious specialist*. Saya memahami mesej agama yang disampaikan oleh *Granthi Sahib* melalui persembahan *kirtan* dan *katha* di gurdwara. Akan tetapi, *Granthi Sahib* tidak memberi sebarang penerangan mesej agama terutama *hukumnama* yang dibaca dari *Sri Guru Granth Sahib Ji*. Mereka hanya membaca mesej suci tersebut tanpa menghiraukan sama ada *sanggat* memahaminya atau tidak. Secara peribadi, saya ingin menegaskan bahawa *sanggat* harus memahami mesej agama kerana tujuan kita ke gurdwara ialah untuk mendapatkan panduan dan hidayah daripada *Waheguru*. Kegagalan *Granthi Sahib* menerangkan mesej agama ini mungkin disebabkan tekanan yang diterima daripada JPG. Bagi saya, *Granthi Sahib* yang diimport dari India sebenarnya tidak mempunyai sebarang peranan di negara ini. Tujuan kedatangan mereka hanya untuk mengisi kekosongan dan mencari nafkah. Kita memerlukan *Granthi Sahib* yang berkualiti dan mempunyai semangat misionari serta komited dalam pendidikan agama.

Harinder Kaur, seseorang yang aktif dalam program *naujawan satsang* pula berkata:

Peranan sebenar *Granthi Sahib* ialah menjaga kesucian *Sri Guru Granth Sahib Ji* dengan cara menyampaikan mesej agama kepada *sanggat*. Saya memahami mesej agama Sikh sekiranya disampaikan dalam bahasa Punjabi yang mudah. Tetapi, sekiranya *Granthi Sahib* dan *ragis jatha* menggunakan dialek bahasa Punjabi yang pekat dan berbunga-bunga maka sukar bagi saya memahami mesej agama. Inilah masalah yang saya hadapi termasuk *naujawan* lain. Saya melihat *Granthi Sahib* menjalankan tugas rutin dengan baik di gurdwara. Mereka akan membantu sekiranya ada penganut Sikh ingin meminta dibacakan *ardas*. Golongan agama yang dibawa dari negara India ini menerima pelbagai cabaran dan tekanan daripada ahli JPG dan segelintir *sanggat*. *Granthi Sahib* tidak mempunyai sebarang kuasa walaupun mereka lebih memahami ajaran agama kerana

mendekati *Sri Guru Granth Sahib Ji*. Di gurdwara ini ada sahaja individu yang ingin menunjukkan sikap pandai mereka dengan menasihati *Granthi Sahib* dalam menjalankan tugasnya.

Sukhjot Singh menegaskan:

Di gurdwara, saya melihat peranan *Granthi Sahib* yang sebenar ialah menjalankan tugas seperti yang disuruh oleh JPG. *Granthi Sahib* ini tidak berminat menjalankan peranan dan tugas tambahan kerana amat takut dengan JPG. Mereka terpaksa mematuhi syarat perjanjian pekerjaan yang telah ditandatangani sebelum memulakan perkhidmatan sebagai *Granthi Sahib*. Oleh sebab itu, saya dapati *Granthi Sahib* hanya menjalankan tugas rutin sahaja. Justeru, objektif utama kedatangan *Granthi Sahib* dari negara India ini ialah untuk mendapatkan kehidupan selesa dan mengumpulkan wang untuk dihantar pulang ke Punjab. Mereka jarang mementingkan aspek *sewa* seperti meluaskan pendidikan agama (*parchaar*) di gurdwara. Inilah masalah yang dihadapi oleh *Granthi Sahib* dari segi *parchaar* sebaliknya berpuashati dengan tugas rutin. Saya memahami mesej agama yang disampaikan oleh *Granthi Sahib* kerana mempunyai asas pendidikan agama seperti *Gurbani*. Saya berpendapat *Granthi Sahib* perlu mengubah sikap dan memainkan peranan sebagai *role mode* dengan menunjukkan personaliti baik agar dicontohi oleh penganut Sikh terutama *naujawan*.

Jasbir Singh seorang *Khalsa*, berkata:

Giani Dheer Singh mempunyai masalah komunikasi yang serius dengan kumpulan yang tidak boleh berbahasa Punjabi (non-speaking Punjabi). Beliau menyanyikan *kirtan* dengan baik tetapi lebih memberi tumpuan kepada generasi tua. Saya tidak memahami mesej agama yang disampaikan oleh Giani Dheer Singh dalam bahasa Punjabi. Saya perhatikan mesej agama yang cuba disampaikan olehnya tidak sampai kepada sasaran terutama komuniti peranakan. Saya percaya beliau mempunyai masalah dari segi komunikasi dan tidak menekankan tugas dalam aspek pendidikan sebaliknya menjalankan tugas harian sahaja.

Ajit Kaur yang juga seorang *khalsa* dan merupakan anak murid Giani Amarjit Single, berkata:

Saya melihat Giani Dheer Singh mempunyai pengetahuan mendalam mengenai agama tetapi beliau tidak memahami dan mempedulikan masalah komuniti peranakan Punjabi dari aspek pemahaman agama dan bahasa. Akibatnya, peranakan Punjabi mempunyai hubungan yang longgar dengan gurdwara. Giani Dheer Singh hanya menjalankan tugas rutin dan mengabaikan perannya sebagai seorang pendidik. Saya berasa hairan JPG tidak menasihati Giani Dheer Singh untuk mengubah sikap dan perlu mendekati generasi muda. Bayangkan generasi muda peranakan Punjabi akan cuba mengelakkan diri apabila melihat Giani Dheer Singh. Inilah masalah kami yang semakin hari semakin tenat dan JPG tidak komited menjalankan peranan mereka. Saya tidak mendapat sebarang manfaat agama daripada Giani Dheer Singh kerana tidak memahami bahasa Punjabi yang dipertuturkannya. Saya amat berharap JPG mengambil langkah tegas dengan memastikan Giani Dheer Singh menjalankan peranan sebagai seorang ulama agama dan bukannya sebagai seorang pekerja makan gaji sahaja.

Amarjit Kaur, seorang *khalsa* juga dan yang komited dalam menganjurkan aktiviti keagamaan. Beliau berkata:

Saya tidak memahami *katha* yang dibincangkan oleh Giani Dheer Singh dalam bahasa Punjabi. Saya memahami persembahan *kirtan* selepas membaca terjemahan daripada Buku *Kirtan*. Giani Dheer Singh langsung tidak pernah menterjemahkan mesej agama dalam bahasa Melayu. Saya fikir masalah ini berlaku kerana Giani Ji ini berasal dari India dan berasa ganjil apabila menggunakan bahasa asing dalam *darbar sahib*. Mungkin Giani Ji ada prinsip sendiri yang hanya menggunakan bahasa Punjabi semasa upacara sembahyang. Saya rasa sudah tiba masanya Giani Dheer Singh memberi perhatian yang lebih serius dalam tugasnya.

Inder Singh yang juga merupakan seorang *khalsa*, menegaskan:

Saya tidak memahami mesej agama yang disampaikan oleh Giani Dheer Singh melainkan diterjemahkan oleh individu lain selepas selesai program keagamaan. Dulunya, Giani Amarjit Singh mengambil inisiatif menterjemahkan *hukumnama* dalam bahasa Melayu untuk pemahaman peranan Punjabi. Giani Dheer Singh tidak memberi sebarang penjelasan dalam bahasa yang kami fahami seperti bahasa Melayu dan Inggeris, sebaliknya hanya berbahasa Punjabi. Saya berpendapat bahawa Giani Dheer Singh perlu mengambil inisiatif seperti yang dilakukan oleh Giani Amarjit Singh. Saya fikir semuanya bergantung kepada dedikasi dan komitmen seseorang individu.

Secara keseluruhannya, peranan *Granthi Sahib* mengalami pelbagai cabaran dan hambatan sosial apabila golongan pakar agama ini tidak berupaya menjalankan peranan mereka berlandaskan ajaran agama Sikh terutama dalam teks *Sikh Rehat Maryada* (Charanjit Kaur 2002). Golongan pakar agama ini yang sewajarnya menjadi *role model* dan menekankan semangat misionari untuk memajukan pemahaman komuniti mengenai agama telah mengalami 'krisis nilai' tentang peranan mereka. Apa yang jelas, tidak semua *Granthi Sahib* berjaya menjadi *role model* kerana kelemahan peribadi yang tidak dapat dielakkan. Dalam hal ini, penulis bersetuju dengan pandangan Shamdev Singh mengenai kelemahan *Granthi Sahib* menggunakan bahasa asing selain daripada bahasa Punjabi untuk menyampaikan mesej agama di gurdwara. Kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris amat diperlukan kerana kebanyakan *naujawan* menggunakan bahasa moden ini dalam kehidupan seharian mereka. *Granthi Sahib* yang diimport dari Punjab tidak berupaya dan kurang berminat mendalami bahasa Inggeris. Penggunaan bahasa asing di gurdwara tidak seharusnya dijadikan satu perbuatan 'dosa' dan dipandang rendah kerana penghayatan mesej agama itu lebih penting daripada langsung tidak memahaminya. Komitmen *Granthi Sahib* semakin tercemar apabila mereka lebih memberi perhatian kepada aspek materialistik seperti yang dijelaskan oleh Jarnail Singh.

Kelemahan utama yang dikenal pasti oleh Shamdev Singh ialah *Granthi Sahib* tidak mempunyai alat analitikal untuk menyampaikan mesej agama di gurdwara. Masalah ini berkait rapat dengan kurangnya pengetahuan agama dan masalah bahasa yang tidak diberikan perhatian oleh *Granthi Sahib*. Oleh itu, ramai ahli JPG bertindak sebagai penasihat kepada *Granthi Sahib*. Malah, majoriti

ahli JPG berlumba-lumba menunjukkan pengaruh untuk menasihati dan mengarahkan golongan pakar agama ini menjalankan tugasnya. Malah ada yang tidak boleh melihat *Granthi Sahib* berehat, lalu mengambil kesempatan ‘membuli’ *Granthi Sahib* dengan mengarahkannya untuk menjalankan tugas yang remeh-temeh seperti membuka dan menutup penghawa dingin dan lampu, dan menulis resit bayaran. Sepanjang pemerhatian penulis, didapati kebanyakan ahli JPG tidak menghormati *Granthi Sahib* sebagai ahli agama, sebaliknya menganggap mereka sebagai seorang pekerja ‘makan gaji’ sahaja. *Granthi Sahib* dari Punjab ini juga sering dijadikan sasaran sekiranya berlaku masalah di sekitar premis gurdwara. Perkara ini menyebabkan Giani Sukhdev Singh meletakkan jawatan kerana tidak dapat menjalankan peranan yang sebenar sebagai *Granthi Sahib*. Secara umum, kebergantungan kepada *Granthi Sahib* dari luar negara ini akan terus berlanjutan dan sudah tentu akan memberi kesan jangka panjang kepada umat Sikh di Malaysia. Generasi muda, iaitu *naujawan* pula tidak berminat menceburi kerjaya ini kerana pelbagai sebab. Antaranya gaji yang ditawarkan tidak lumayan dan ‘tekanan’ yang lazimnya diberikan oleh ahli JPG sedikit sebanyak telah menimbulkan stigma bahru dalam kalangan anggota komuniti Sikh mengenai profesion *Granthi Sahib* ini dan cabaran yang bakal mereka hadapi kelak.

Manakala dalam kes di GSKK pula, komuniti peranakan Punjabi mengalami cabaran hebat untuk mendapatkan pengetahuan agama Sikh. Perkara ini berlaku akibat ketidakprihatinan *Granthi Sahib* membantu komuniti terpinggir ini. Kebanyakan peranakan Punjabi berasa tertekan dan kesal dengan peranan Giani Dheer Singh yang tidak membantu mereka mendapatkan maklumat agama dalam bahasa yang boleh difahami, iaitu bahasa Melayu. Akibat tekanan ini, ada dalam kalangan komuniti peranakan Punjabi yang mengambil jalan mudah untuk meninggalkan agama Sikh. Malangnya perkara ini tidak diberikan perhatian serius oleh *Granthi Sahib* kerana lebih menjalankan tugas rutinnya sahaja.

PERANAN JAWATANKUASA PENGURUSAN GURDWARA (JPG)

JPG yang mentadbir dan mengurus GSTKD ialah persatuan TKDS, iaitu sebuah badan politik yang menentukan perjalanan program keagamaan gurdwara. Secara ideal TKDS berfungsi menjalankan program sosial terutama keagamaan dan bertanggungjawab memastikan setiap kebajikan penganut Sikh dipelihara tanpa sebarang diskriminasi dan pilih kasih. Persatuan ini mempunyai Perlembagaan sendiri yang menggariskan lima objektif iaitu:

1. Mengajar etika dan moral agama Sikh kepada penganut Sikh dan bukan Sikh yang menetap di negeri Selangor.
2. Menyemai semangat kerjasama, kebaikan dan pemikiran sivik di kalangan ahli persatuan, penyokongnya dan masyarakat umum.

3. Membasmi buta huruf dan keketekan ilmu agama dalam kalangan orang Sikh dengan cara membina sekolah untuk mengajar pendidikan Punjabi (Gurmukhi), pendidikan bahasa Malaysia dan Ingeris. Sekolah ini perlu diuruskan oleh TKDS.
4. Menjaga hak orang Sikh dengan memberi maklumat kepada pihak kerajaan dari semasa ke semasa yang menyentuh masalah yang dihadapi oleh komuniti Sikh.
5. Demi mencapai kesemua objektif tersebut. TKDS memerlukan tanah untuk membina bangunan dan memastikan pengurusan yang baik. Bagi melaksanakan projek berkenaan maka pinjaman daripada individu ataupun bank boleh dilakukan (*Tatt Khalsa Diwan Selangor Rules and Constitution* 1988:1).

Sekiranya diteliti lebih lanjut objektif persatuan TKDS, bidang pendidikan menjadi fokus utamanya sehingga pembinaan Sekolah Punjabi sebagai pusat kecemerlangan menjadi kenyataan. Aspek pendidikan ini membantu generasi muda mendapatkan ilmu mengenai agama Sikh suatu masa dahulu. Penganut Sikh merujuk kepada persatuan ini untuk mendapatkan penjelasan dan maklumat mengenai perjalanan atau program keagamaan yang berlangsung di GSTKD. Sekiranya ada individu yang tidak berpuas hati dan ingin memberi cadangan atau komen, maka individu tersebut perlu menulis surat kepada Presiden atau Setiausaha TKDS. Setiap surat yang diterima kemudiannya dibincangkan dalam mesyuarat bulanan. Justeru, segala komen dan cadangan yang diberikan oleh penganut akan dipertimbangkan mengikut konsensus majoriti ahli TKDS.

Majoriti ahli JPG ini dianggotai oleh generasi tua dan segelintir saja golongan belia dipilih. Generasi tua yang gemar bergaduh sesama sendiri dan tidak mempunyai *role model* menjadi salah satu sebab utama *naujawan* tidak berminat menyertai politik gurdwara. Justeru, semasa menjalankan pemerhatian dalam mesyuarat tahunan TKDS sejak tahun 2000 sehingga 2004, terdapat hanya kira-kira 30 peratus (anggaran) *naujawan* menyertai mesyuarat dan majoritinya dimonopoli oleh generasi tua. Kelemahan ini disedari oleh generasi tua tetapi mereka tidak berminat menggalakkan *naujawan* menyertai politik gurdwara kerana mereka masih gila kuasa. Keadaan ini memberi peluang berterusan kepada generasi tua memonopoli barisan kabinet TKDS setiap tahun. Berikut adalah paparan pandangan informan Sikh mengenai peranan JPG dalam aspek pembentukan identiti Sikh di GSTKD dan GSKK. Jarnail Singh berkata:

Secara idealnya, JPG perlu mempunyai lima peranan utama dalam usaha membina identiti Sikh. Pertama, mempromosikan ajaran agama Sikh dengan cara menganjurkan pelbagai aktiviti keagamaan dan sosial untuk menarik minat *sangat* menghayati mesej agama. Kedua, menjaga kesucian *Sri Guru Granth Sahib Ji* dengan memastikan *Granthi Sahib* menjalankan tugasnya setiap hari. Ketiga, mengadakan kempen penggunaan bahasa Punjabi di gurdwara setiap tahun. Keempat, JPG menjadi badan perundingan kepada penganut Sikh yang memerlukan bantuan. Misalnya, memberi nasihat dari segi pendidikan kepada

naujawan. Akhir sekali, JPG perlu menjaga kebajikan komuniti Sikh tanpa mengira gender. Malangnya, kesemua perkara ini tidak berlaku di GSTKD. Saya tidak berpuashati dengan JPG ini kerana semua ahlinya menganggap diri mereka sebagai jeneral (ketua) daripada *sevdar*. Mereka sukar mencapai konsensus dan sering berlaku *factionalism* serta perasaan iri hati sesama sendiri. Kesemua elemen negatif ini mengekang peranan sebenar JPG seperti yang saya sebutkan tadi. Jadi, bagaimana hendak mendidik komuniti Sikh apabila ahli-ahli JPG tidak bersatu dan mempunyai semangat kerjasama?

Sukhjot Singh menegaskan:

Soalan peranan JPG dalam membentuk identiti Sikh ini sukar dijawab kerana sehingga kini tiada usaha yang serius dijalankan oleh JPG di GSTKD. Saya melihat aspek “ritual” yang lebih ditekankan dalam program keagamaan dan kebanyakan penganut Sikh tidak memahami tujuan diadakan ritual berkenaan. Malah tiada penghormatan dilakukan semasa bacaan *ardas*. Pihak JPG tidak mempedulikan penekanan aspek latihan kepada *naujawan*. Misalnya, tiada maklumat praktikal disampaikan di gurdwara seperti cara melakukan *seva* seperti membuat *chaur sahib*, memberi *karah parshad*, menghidangkan *guru ka langgar* dan pelbagai aktiviti *seva* yang lain. Perbuatan mengayun *chaur sahib* ini ke atas *Sri Guru Granth Sahib Ji* adalah seperti mengipas raja yang bertakhta di singgahsana. Sepanjang mengunjungi GSTKD, saya melihat *naujawan* tidak diberi sebarang latihan berkenaan melakukan *seva* dengan betul. Sekiranya *naujawan* melakukan kesalahan maka JPG akan memberi reaksi memarahi *naujawan*. Jadi, siapakah yang harus dipersalahkan dalam hal ini? Saya tidak pernah melihat ahli JPG bersungguh-sungguh memberi latihan kepada *naujawan* dengan penuh perasaan kasih sayang. Perkara ini sukar berlaku dan program *naujawan satsang* tidak mencapai objektifnya. Malah, *Granthi Sahib* juga tidak memberi sebarang bimbingan kepada *naujawan* untuk memulakan proses pengedaran *karah parshad* berlandaskan ajaran agama. Persoalan membina identiti Sikh tidak berjaya diterapkan oleh JPG kerana mereka sendiri tidak memahami peraturan agama dan cara mengamalkannya. Saya berpendapat JPG harus memberi perhatian dan menekankan kepada pendidikan ajaran asas agama Sikh kerana masih ramai yang tidak mengetahui kandungan ajaran termasuk melakukan *seva* dengan betul. JPG perlu memastikan program *naujawan satsang* dikendalikan oleh *naujawan* sendiri kerana mereka berpotensi melakukannya tanpa gangguan ahli JPG. Justeru, JPG perlu mengenalpasti program bagi kemudahan kanak-kanak seperti menganjurkan *kirtan darbar*, pertandingan melukis, bercerita, kuiz dan penekanan aspek sejarah dan agama secara mudah dan menarik. Program ini berupaya menarik minat kanak-kanak untuk mempelajari agama seterusnya membentuk identiti Sikh pada usia yang muda. Saya melihat ada beberapa orang kanak-kanak dan *naujawan* yang berpotensi dan mempunyai minat mendalam untuk menyampaikan persembahan *kirtan* di gurdwara. Akan tetapi, mereka tidak diberikan peluang dan perhatian oleh JPG yang lebih gemar membazirkan wang dengan menjemput *ragis jatha* dari negara India. Saya ingin menekankan bahawa sudah tiba masanya, pihak JPG memberi perhatian kepada bakat-bakat muda yang komited dalam pendidikan agama dan muzik.

Shamdev Singh menegaskan:

Saya tidak melihat peranan JPG dalam usaha membentuk identiti Sikh di GSTKD. Saya melihat mereka menjalankan program keagamaan untuk mengumpulkan wang dan bukannya memberi perhatian dalam bidang pendidikan agama. Oleh sebab itu, tiada usaha

murni dibuat untuk menekankan aspek pendidikan dan perkongsian maklumat mengenai kandungan ajaran agama kepada *sanggat* terutama *naujawan*. JPG seharusnya menjadikan institusi gurdwara sebagai pusat misionari dan *launching pad* untuk menganjurkan segala aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan terutama menekankan program pembangunan komuniti Sikh. Kegagalan pihak JPG ini hanya merugikan komunitinya dan menjadi salah satu sebab *naujawan* tidak berminat menyertai program keagamaan kerana hanya aspek ritual berlangsung di gurdwara.

Rashpal Kaur seorang yang aktif dalam program *naujawan satsang* dan *isteri satsang* yang dianjurkan di GSTDK, menegaskan:

Saya tidak melihat JPG begitu serius dalam memainkan peranan untuk membentuk identiti Sikh di gurdwara ini. Mereka hanya berminat mendapatkan wang dan memastikan kerusi politik masing-masing tidak dirampas dalam pilihanraya setiap tahun. Hal ini menjadi fokus utama GSTKD sejak pembinaan gurdwara baru. Sepanjang penglibatan saya dalam mengendalikan program *isteri satsang*, masalah utama yang dihadapi ialah untuk mendapatkan tajaan untuk menjalankan program keagamaan tersebut. bukan mudah untuk mendapatkan sumbangan wang kerana masing-masing mempunyai masalah dan komitmen sendiri. Pihak JPG tidak memberikan sebarang peruntukkan untuk menjayakan program ini. Sebaliknya, ia bergantung kepada inisiatif kami untuk mendapatkan bantuan keluarga dan rakan-rakan bagi meneruskan program *isteri satsang* agar dimanfaatkan oleh kaum wanita. Saya melihat cabaran turut dialami dalam program *naujawan satsang* kerana sejak kebelakangan ini, *naujawan* tidak diberi peluang untuk mengendalikan dan menguruskan program berkenaan. Perkara ini tanpa disedari memberi kesan kepada *naujawan* yang mulai bosan dengan sikap ahli JPG. Saya memang tidak berpuashati dengan peranan JPG kerana mereka lebih mementingkan aspek *money making* dan menjaga kerusi politik. Saya percaya masalah ini sukar diatasi kerana bukan senang untuk mengajak generasi tua mengubah corak pemikiran mereka. Hal ini kerana generasi tua berasa selesa dengan pengurusan JPG.

Jasbir Singh:

Saya lihat ada dua sahaja peranan JPG dalam konteks membina identiti, pertama mengurus perjalanan gurdwara dan kedua, menjaga pendidikan sosial dan kebajikan anggota-anggotanya. Namun, kegiatan pendidikan agama, iaitu *parchaar* dipandang ringan oleh KSS. Mereka langsung tidak serius untuk menganjurkan program pendidikan agama di gurdwara. Bagi saya pendidikan agama penting dalam membina identiti Sikh. Pendidikan tersebut perlu mengambil kira faktor kehidupan masa kini. Sehingga kini KSS memfokus kepada perjalanan institusi gurdwara dan mengurus sumber kewangan yang disimpan dengan baik. Mereka tidak menyentuh aspek pendidikan agama terutama pengajaran bahasa Punjabi demi membantu golongan kami yang buta huruf dalam bahasa Punjabi. Mungkin bagi KSS, mereka telah melaksanakan sesuatu yang terbaik tetapi dari segi pendidikan agama mereka sebenarnya gagal dalam membina identiti Sikh. Sudah dua belas tahun (12) sekolah Punjabi ditutup dan pelaksanaan pembukaannya semula tidak pernah dibincangkan oleh KSS. Ada segelintir yang sudah lama memanas kerusi dalam kabinet KSS tetapi tidak pernah memberi sumbangan seperti dalam bahasa Inggeris kita panggil *lips service*. Jadi, dalam hal ini siapa yang rugi? Kami peranakan yang rugi dan terkebelakang dalam pendidikan agama.

Ajit Kaur berkata:

JPG tidak menjalankan peranan seperti yang termaktub dalam ajaran agama, iaitu menekankan bidang pendidikan dan perkongsian maklumat. Saya melihat JPG tidak serius dalam memainkan peranan dan tanggungjawab membantu penganut Sikh meningkatkan semangat kerohanian dan mempraktis ajaran agama. Mereka hanya menjaga bangunan gurdwara dari segi luaran sahaja semacam ada pertandingan kebersihan. Tetapi, memandang sepi dari aspek dalaman seperti meningkatkan kesedaran agama dengan menganjurkan pelbagai program pendidikan dan keagamaan seperti *simran* dan *naujawan satsang* yang dibuat di Semenanjung. Mungkin JPG terdesak kerana tiada individu yang komited dalam agama untuk menjalankan aktiviti tersebut. Hal ini berlaku kerana majoriti ahli JPG tidak arif dalam bidang agama sebab tidak mempraktiskan ajarannya. Secara peribadi, saya berpendapat JPG perlu menasihati *Granthi Sahib* untuk menjalankan peranan sebenar dan bukannya tugas rutin sahaja. Semua ahli JPG perlu bersatu dan bekerjasama serta mengelakkan diri membuang masa bergaduh sesama sendiri kerana tidak menunjukkan kematangan dan *role model* kepada generasi muda. JPG perlu memikirkan pelbagai langkah untuk menarik minat generasi muda terutama peranakan Punjabi menyertai program keagamaan di gurdwara. Majoriti peranakan Punjabi masih kurang pemahaman mengenai ajaran agama Sikh. Oleh sebab itu, kerjasama antara JPG dan *Granthi Sahib* penting dalam membantu golongan ini. Sudah tiba masanya, martabat dan peranan gurdwara dipertingkatkan semula dalam bidang pendidikan agama.

Ajmer Singh seorang *khalsa* yang banyak pengetahuan agama Sikh dalam bahasa Indonesia, menyatakan:

Bagi saya KSS masih mempunyai tiga peranan. Pertama, untuk memastikan institusi gurdwara beroperasi. Kedua, KSS mencari pendekatan untuk menyatupadukan komuniti Sikh dengan cara memberi pengetahuan seperti menganjurkan aktiviti. Generasi muda peranakan Punjabi tidak berminat menyertai aktiviti di gurdwara kerana kurang pengetahuan agama Sikh. Ketiga, KSS mungkin menganggap mereka sudah banyak memberi perhatian dan sumbangan kepada komuniti Sikh di kawasan bandar. Malangnya mereka gagal memberi perhatian kepada masyarakat luar bandar. KSS seharusnya menggabungkan aktiviti tersebut bersama masyarakat luar bandar seperti di Tuaran. Kami di kawasan luar bandar berasa terpinggir dalam pelbagai program anjuran KSS. Bagi saya, peranan KSS dalam menguruskan perjalanan institusi gurdwara memang baik, tetapi program-program yang melibatkan pembangunan komuniti agak berkurangan. Mereka perlu memfokus kepada perkara-perkara mengenai pengetahuan (pendidikan) terutama mendidik generasi muda. Di gurdwara, kita perlu gunakan pelbagai teknologi moden seperti projektor. Lagi satu perpustakaan harus beroperasi kembali bagi membolehkan golongan muda membuat rujukan dan meminjam pelbagai buku dan majalah agama. Saya kira dengan cara ini dapat memberi maklumat kepada golongan muda mengenai perkembangan peristiwa Sikh di luar negara.

Setelah meneliti beberapa hujah responden peranakan Punjabi mengenai peranan JPG dalam pembinaan identiti Sikh, didapati banyak kelemahan yang perlu ditangani secara serius dan komited oleh persatuan KSS. Kepincangan tersebut memberi kesan kepada institusi politik KSS dalam mentadbir dan mengurus GSKK. Pertama, pihak KSS tidak menjalankan peranan seperti

menganjurkan program pendidikan agama sama ada melalui kelas Punjabi ataupun program *samelan*. Program tersebut wajar diberi perhatian kerana menjadi satu peranan gurdwara dalam program pembangunan komuniti. Komuniti Sikh termasuk peranakan Punjabi menjadikan gurdwara sebagai pusat sosial terutama agama yang sudah sebatu dalam kehidupan mereka. Institusi gurdwara merupakan pusat komuniti Sikh berinteraksi dan menjalinkan hubungan perpaduan selaras dengan tuntutan agama. Tanpa gurdwara, komuniti Sikh akan kehilangan panduan dan pedoman serta tidak dapat mengamalkan identiti kolektif seperti yang ditekankan oleh Guru-guru Sikh.

Ketidaksungguhan JPG menganjurkan program *samelan* secara konsisten memberi kesan dalam menganjurkan program pembangunan komuniti. Kebanyakan informan menegaskan JPG lebih gemar menggunakan dasar tunggu dan lihat. Mereka hanya menunggu individu menyampaikan idea mengenai program *samelan*. Selepas itu, individu terbabit diberikan tanggungjawab mengendalikan segala program *samelan*. Pendekatan ini bersifat jumud dan tidak profesional serta melanggar prinsip persatuan KSS. Pendekatan ini juga sebenarnya merugikan komuniti Sikh terutama peranakan Punjabi yang mengalami krisis identiti. JPG wajar mempunyai perancangan dan pegangan dalam menganjurkan program *samelan* demi mendidik penganut mengenai agama mereka secara adil dan saksama. Cabaran utama yang menghalang JPG menganjurkan program ini ialah majoriti ahli kabinetnya terdiri daripada generasi tua. Majoriti ahli terbabit tidak berupaya menganjurkan program tersebut sehingga terpaksa meminta bantuan golongan *naujawan*. Dalam hal ini Jaspal Singh berpandangan bahawa generasi tua tidak memegang sebarang jawatan dalam JPG sekiranya tidak boleh memberikan sumbangan dalam program pembangunan komuniti.

Pandangan Amarjit Kaur mengenai perlunya JPG memberikan bantuan untuk menarik penglibatan kanak-kanak dalam program *samelan* di Semenanjung Malaysia juga penting diberikan perhatian. Persatuan tersebut boleh membantu dari pelbagai aspek. Antaranya membiayai sekurang-kurangnya separuh daripada kos penerbangan. Sebagai contoh, syarikat penerbangan tambang murah *AirAsia* banyak memperkenalkan pakej perjalanan dengan harga yang berpatutan sejak tahun 2003. Misalnya, tambang perjalanan penerbangan sehala dari Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur dikenakan sebanyak RM99.99. Pihak KSS boleh mengambil peluang keemasan tambang murah ini untuk menggalak generasi muda menyertai *samelan* di Semenanjung. Galakan ini merupakan tindakan positif bertujuan menekankan aspek psikologi demi menarik minat generasi muda menyertai program keagamaan di Gurdwara Sahib Kota Kinabalu. Program tersebut adalah seperti motivasi, bonus dan acara tahunan kepada generasi muda mewakili negeri Sabah dalam program *samelan* yang berlangsung setiap tahun di Semenanjung. Yang pasti, peserta yang menghadiri *samelan* akan mendapat pelbagai pendedahan yang luas terutama dari aspek pendidikan agama dan meningkatkan motivasi diri. Mereka juga boleh berkenalan dengan penganut Sikh yang lain dari pelbagai negeri di seluruh Malaysia. Bahkan,

samelan merupakan medan terbaik mengumpul maklumat terkini mengenai perkembangan agama dan komuniti diaspora Sikh.

Seterusnya kegiatan politik KSS yang didominasi oleh majoriti golongan tua merupakan petanda yang tidak baik dan melemahkan institusi GSKK. Generasi muda perlu diberikan peluang memberikan pandangan dan idea baru demi keberlangsungan program pembangunan komuniti. Mereka perlu diberikan latihan dari awal kerana suatu hari nanti mereka akan menerajui kepimpinan KSS dan menjadi nadi utama pembangunan komuniti di GSKK. Sekiranya tidak diberi perhatian maka generasi muda akan hilang haluan dan langsung tidak akan menunjukkan minat dalam politik di gurdwara. Pepatah Melayu yang menyatakan melentur buluh biarlah dari rebungunya mempunyai makna signifikan dalam melihat kes komuniti Sikh di Kota Kinabalu. Secara ringkas, generasi muda perlu diberikan maklumat dan motivasi agar apabila dewasa kelak mereka memahami cabaran yang dihadapi oleh komuniti Sikh. Generasi muda perlu menghayati kelemahan yang dihadapi oleh KSS dan merangka pelbagai program pembangunan bertujuan meneruskan perkembangan agama Sikh di negeri Sabah.

Ketidakseimbangan program pembangunan komuniti anjuran JPG secara tidak langsung menunjukkan kelemahan peranan gurdwara membina dan menekankan aspek identiti Sikh. Pandangan Ajmer Singh mengenai pembangunan yang tidak seimbang antara kawasan bandar dan luar bandar perlu diteliti oleh pihak KSS kerana pembangunan sedemikian memberi kesan mendalam kepada kehidupan peranakan Punjabi. Mereka yang menetap di kawasan luar bandar seperti di daerah Tuaran berasa terpinggir dan mengalami cabaran hebat untuk mengekalkan identiti Sikh. Melalui pemerhatian ikut serta dalam program keagamaan yang dianjurkan oleh beberapa keluarga peranakan Punjabi di Tuaran, didapati ada beberapa keluarga bekas peranakan Punjabi telah memeluk agama lain seperti Kristian dan Islam. Ketiadaan program keagamaan yang dijalankan oleh KSS di kawasan Tuaran menjadikan komuniti peranakan Punjabi dilanda krisis identiti dan hidup dalam dilema. Dalam pemerhatian, ada beberapa orang *naujawan* peranakan Punjabi yang mempunyai minat tinggi untuk mendalami agama Sikh. Akan tetapi, cabaran utama yang dihadapi ialah kurangnya sumber rujukan agama Sikh dalam bahasa Melayu. Hal ini kerana kebanyakan bahan mengenai agama Sikh ditulis dalam bahasa Punjabi. Kekurangan terjemahan teks dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris secara langsung menghambat pembinaan identiti Sikh dalam kalangan komuniti peranakan Punjabi di Kota Kinabalu. Pendek kata, persatuan KSS tidak serius dalam menjalankan program pembangunan komuniti secara seimbang agar komuniti peranakan Punjabi yang menetap di kawasan luar bandar turut menikmati faedahnya.

Persatuan KSS wajar menyediakan bahan bacaan agama Sikh di dalam bahasa Melayu demi manfaat penganut Sikh yang tidak boleh berbahasa Punjabi terutama peranakan Punjabi. Bahan bacaan mengenai agama Sikh tidak mungkin dapat dibekalkan oleh KSS kerana perpustakaan di premis GSKK sudah ditutup

lebih sepuluh tahun. Kebanyakan buku mengenai agama yang tersimpan dalam bilik kebal tersebut telah dimakan serangga seperti ulat dan anai-anai. Apa yang menarik, kesemua buku, majalah dan jurnal tersebut merupakan koleksi tahun 1960-an dan tiada buku baru ditemui. Perpustakaan tersebut tidak kondusif kerana seperti bilik stor dan dipenuhi banyak habuk serta tidak boleh dibuka sesuka hati melainkan mendapat kebenaran daripada ahli JPG.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, *Granthi Sahib* mengalami cabaran dalam memainkan peranan sebagai pakar agama kerana menerima tekanan daripada beberapa orang ahli JPG. Golongan agama ini pada mulanya mempunyai motivasi dalam pendidikan agama, namun setelah berkhidmat selama beberapa tahun di Malaysia mereka mulai bosan dengan sikap ahli JPG yang dianggap suka menjadikan mereka sebagai boneka. Cabaran yang diterima oleh *Granthi Sahib* ini sebenarnya memberi kesan kepada pendidikan agama yang ingin disampaikan kepada *sanggat* di gurdwara. Akhirnya, *Granthi Sahib* hanya menjalankan tugas rutin sahaja. Buktinya, perkara ini pernah berlaku sejak zaman Giani Mejar Singh dalam tahun 1990-an sehinggalah pada zaman Giani Sukhdev Singh yang meletakkan jawatannya pada bulan Disember 2003.

Golongan pakar agama ini pernah beberapa kali diberi amaran dan diugut oleh beberapa orang ahli JPG agar tidak menyentuh mengenai topik amalan menentang minuman keras dan memotong rambut dalam syarahan agama (katha). Namun, Giani Mejar Singh dan Giani Sukhdev Singh tidak mempedulikan amaran tersebut kerana mereka begitu tegas dalam bidang pendidikan agama sekiranya dibandingkan dengan Bhai Balwinder Singh yang sering dijadikan boneka oleh beberapa orang ahli JPG. Cabaran yang dihadapi oleh *Granthi Sahib* ini masih berlaku dan akan terus berlaku kerana GSTKD masih bergantung kepada *Granthi Sahib* dari negara luar. Cabaran yang diterima oleh *Granthi Sahib* ini pasti menjejaskan minat mereka untuk mensyiarkan ajaran agama terutama berkenaan dengan aspek pembentukan identiti Sikh. Sebaliknya, golongan agama ini akan menjalankan tugas rutin seperti yang diamanahkan oleh majikannya, yakni JPG.

Kelemahan *Granthi Sahib* menguasai bahasa asing selain daripada bahasa Punjabi turut memberi kesan kepada peranan dalam membentuk dan membina identiti Sikh di gurdwara. Golongan pakar agama yang dibawa masuk dari negara India perlu menguasai bahasa Inggeris dan bahasa Melayu untuk memudahkan mereka menyampaikan mesej agama di gurdwara. Hal ini kerana bahasa Inggeris mudah difahami dan menjadi alat komunikasi sebahagian besar penganut Sikh terutama dalam kalangan *naujawan*. Ketidakupayaan *Granthi Sahib* menguasai dan berinteraksi dalam bahasa Inggeris ini menjadi salah satu sebab utama *naujawan* tidak berminat mengikuti program keagamaan yang berlangsung di

dalam *darbar sahib*. Sebaliknya, mereka lebih gemar berbual-bual bersama rakan sambil menikmati minuman teh di *guru ka langgar*.

Sejarah kegemilangan GSTKD sebagai sebuah gurdwara yang aktif dalam bidang sosio-politik dan sosio-agama di Kuala Lumpur hanya tinggal sejarah semata-mata. Dari segi sosial, aspek pendidikan menjadi nadi utama sejak penubuhan TKDS sehingga mencipta sejarah sebagai sebuah Sekolah Punjabi yang paling lama beroperasi selama 70 tahun di Malaysia. Rekod kecemerlangan TKDS menjadi kebanggaan komuniti Sikh. Perubahan masa yang berlalu mengakibatkan perubahan minda komuniti Sikh yang mulai mementingkan pendidikan formal yang lebih sistematik seperti di sekolah kerajaan dan sekolah swasta. Kecemerlangan TKDS menjadi pusat pendidikan agama Sikh hanya menjadi kebanggaan individu yang mendapat pendidikan di Sekolah Punjabi tersebut. Hal ini kerana generasi muda kini tidak mengenali sejarah kegemilangan Sekolah Punjabi kerana tiada penulisan dan maklumat ditulis mengenainya.

Makalah ini telah membincangkan peranan gurdwara dalam pembentukan identiti Sikh. Di Malaysia, perubahan sosial yang berlaku dengan pantas terus menerus mempengaruhi identiti komuniti Sikh. Identiti Sikh bukan sahaja penting untuk melambangkan budaya mereka tetapi juga agama Sikh itu sendiri. Institusi gurdwara ialah institusi penting bagi mengekal dan mengukuhkan identiti komuniti minoriti Sikh di Malaysia. Namun, identiti adalah sesuatu yang dinamik dan terus berubah. Apa yang akan berlaku pada identiti komuniti Sikh dan peranan gurdwara pada masa depan adalah satu soalan penyelidikan yang penting yang perlu diteliti lebih lanjut.

PENGHARGAAN

Kajian ini adalah sebahagian daripada tesis doktor falsafah di Program Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah penyeliaan Prof. Dr. Shamsul A.B dan Prof. Dr. Mohamed Yusoff Ismail sepanjang tahun 2000-2005. Penghargaan ikhlas juga diucapkan kepada Prof. Dato' Dr. Abdul Rahman Embong dan Prof. Dr. Rahimah Abd. Aziz atas sokongan murni dan tunjuk ajar selama ini.

RUJUKAN

Annual Report of Tatt Khalsa Diwan Selangor for the year 2003/ 2004. Dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan ke-86 TKDS pada 3 October 2004 di Wisma Tatt Khalsa.

Charanjit Kaur. 2002. *Sikh Rehat Maryada: Satu Kajian Mengenai Kod Tingkah Laku Penganut Agama Sikh*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Cole, W.O. 2003. *Teach Yourself Sikhism*. London: Hodder Headline Ltd.

Duggal, K.S. 1993. *Sikh Gurus: Their Lives and Teachings*. New Delhi: UBS Publishers.

- Gobind Singh Mansukhani. (t.th). *A Book of Sikh Studies*. New Delhi: National Book Shop.
- Harbans Singh. 1995. *Berkeley Lectures on Sikhism*. New Delhi: Manohar.
- Jacob, P. 1995. *The Making of India and the Indian Traditions*. New Jersey: Prentice Hall.
- Khushwant Singh. 1966. *A History of the Sikhs II 1839-1964*. New Jersey: Prentice Hall.
- Lajwanti, L. 1985. *The Concept of Man in Sikhism*. New Delhi: Munishiram Manoharlal Publishers.
- Nesbitt, Eleanor. 1996. Sikhism. Dlm. *Ethical Issues in Six Religious Traditions*, Morgan, Peggy dan Lawton, Clive (eds.). hlm. 99-134. London: Edinburgh University Press.
- Pritam Singh Gill. 1990. *Trinity of Sikhism*. Jullundur: New Academic Publishing.
- Saran Singh Sidhu. 2003. *Sikh Gurdwaras in Malaysia and Singapore: An Illustrated History 1873-2003*. Kuala Lumpur: Sikh Naujawan Sabha Malaysia.
- Sarjit Singh. 1998. Masyarakat Minoriti Sikh di Malaysia. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. 1999a. Diaspora dan Masalah Identiti Sikh di Malaysia. *Akademika* 55: 189-192.
- _____. 1999b. *Identiti Sikh*. Kertas Projek Ijazah Sarjana Sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. 2005. Peranan Gurdwara dalam Pembentukan Identiti Sikh di Malaysia: Satu Kajian Perbandingan. Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sarjit S. Gill. 2001a. Perubahan Sosio-budaya dan Kesannya Terhadap Identiti Komuniti Sikh di Malaysia: Satu Perbincangan Kritis. Dlm. Prosiding Pembentukan Identiti: Sebuah Wacana, Shamsul Amri Baharuddin (penyusun), hlm. 44-52. Program Malim Sarjana ATMA. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA).
- _____. 2001b. Perkahwinan Campur Peranakan Punjabi di Sabah. *Sari* 19: 189-203.
- _____. 2003. Bibliografi Komuniti Sikh di Malaysia (1937-2002). *Sari* 20:169-179.
- Tatt Khalsa Diwan Selangor Rules and Constitution. 1988. Tatt Khalsa Diwan Selangor.
- Tully, M. dan Jacob, S. 1986. *Amritsar: Mrs. Gandhi's Last Battle*. London: Jonathan Cape.

Sarjit S. Gill, Ph.D.
 Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
 Fakulti Ekologi Manusia
 Universiti Putra Malaysia
 43400 Serdang, Selangor D.E.
 sarjit@putra.upm.edu.my